

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : **10 OKTOBER 2019 [KHAMIS]**

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan secara terperinci jumlah bajet daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM6.23 billion kepada FELDA sekiranya telah diterima sepertimana dinyatakan dalam pembentangan Kertas Putih bersekali dengan agihan perbelanjaan dan kegunaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan bersetuju untuk memperuntukkan RM6.23 bilion kepada FELDA seperti yang dinyatakan dalam Kertas Putih FELDA. Bagi tahun 2019, Kerajaan telah meluluskan RM2.5 bilion dalam bentuk jaminan Kerajaan bagi membolehkan FELDA untuk menstruktur semula pinjaman sedia ada daripada institusi kewangan. Manakala, sebanyak RM510 juta berbentuk tunai telah disalurkan kepada FELDA untuk membiayai program-program berikut:

- (i) Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) – RM180 juta;
- (ii) Program Pembangunan Peneroka Untuk Mendapatkan Hasil Baharu – RM30 juta; dan
- (iii) Penghapusan Faedah Hutang Kebun Peneroka – RM300 juta.

Sekian, terima kasih.